

## BAB TUJUH

### MAF'ULAT DALAM SURAH YASIN

#### 7.0. Pengenalan

Bab ini membincangkan pengenalan surah Yasin, sebab-sebab pemilihan surah Yasin sebagai data analisis, kandungan penting surah Yasin, kelebihan surah Yasin dan jenis-jenis maf'ulat yang terdapat dalam surah Yasin iaitu maf'ul bih, maf'ul mutlaq dan maf'ul fih.

Dalam menganalisis maf'ulat dalam surah Yasin penulis menonjolkan pendapatnya sendiri. Ini adalah disebabkan perkara ini tidak terdapat dalam mana-mana buku sama ada buku sintaksis mahupun buku tafsir dan buku *إِعْرَابٌ*. Iaitu setengah-setengah perkataan tidak dianalisiskan walhal pada pandangan penulis ia adalah maf'ulat. Ini termasuk juga maf'ul bih yang dibuang yang tidak disebut secara jelas.

## 7.1. Pengenalan Surah Yasin

Surah Yasin ialah salah satu surah Makiyyat kecuali ayat yang keempat puluh enam sahaja Madaniyyat.<sup>1</sup> Yang dimaksudkan dengan Makiyyat ialah surah ini diturunkan di Mekat al-Mukarramat. Manakala yang dimaksudkan dengan Madaniyyah pula ialah surah ini diturunkan di al-Madinat al-Munawwarat. Surah ini mengandungi lapan puluh tiga ayat. Ayat-ayatnya lebih pendek dan lebih ringkas daripada ayat-ayat dalam surah Fatir yang terdahulu darinya.<sup>2</sup> Rangkap-rangkapnya pendek dan iramanya laju. Ia menyentuh perasaan serta hati sanubari secara mendalam dari permulaan ayatnya yang pertama sehinggalah kesudahan surah tersebut.<sup>3</sup>

## 7.2. Sebab-sebab Pemilihan Surah Yasin

Penulis memilih surah Yasin berdasarkan:

1. Kerana kelebihan yang begitu besar di antara surah-surah al-Qur'an.
2. Berdasarkan surah ini terkenal dalam masyarakat orang Islam terutamanya di Malaysia. Di mana ia dibaca dalam majlis-majlis penting.

---

<sup>1</sup> al-Maraghiy, Juz. 8, ms. 144.

<sup>2</sup> Sayyid Qutb, Juz. 5, ms. 2956.

<sup>3</sup> Sayyid Qutb, Juz. 5, ms. 2956.

Antaranya dalam majlis tahlil, doa selamat dan ia juga dibaca pada setiap malam Jumaat.

3. Ia mengandungi pelbagai bentuk maf'ul yang boleh memenuhi keperluan analisis dalam tesis ini.

4. Surah ini boleh mempengaruhi jiwa pembacanya dan pendengarnya untuk terus beriman dengan keesaan Allah serta keagunganNya. Di samping itu pula mereka akan mengakui tentang kebangkitan semula serta adanya pembalasan.

5. Surah ini juga boleh menempelak terhadap mereka yang mengingkari tentang kebangkitan semula selepas kematian dengan memabawa hujah-hujah yang boleh diterima akal. Antaranya Allah mampu menghidupkan tanam-tanaman dengan subur dan mampu menjadikannya layu dan terus mati.

6. Surah ini juga boleh menyangkal sangkaan orang-orang kafir di kalangan bangsa Arab semasa Nabi Muhammad s.a.w. yang beranggapan bahawa baginda adalah penyair.

7. Surah ini mampu menakutkan pembaca dan pendengarnya bahawa al-Qur'an al-Karim adalah mukjizat Nabi Muhammad sa.w. yang kekal abadi ke hari kiamat.

8. Surah ini mampu menakutkan pembaca dan pendengarnya bahawa orang-orang yang telah mati tidak akan dikembalikan semula untuk hidup di dunia.

9. Surah ini menarik perhatian pembaca dan pendengarnya tentang tawaran nikmat dari sudut material dan ruhiyah daripada Allah s.w.t. kepada ahli syurga.

### **7.3. Kandungan Penting Surah Yasin**

Surah Yasin menyentuh beberapa perkara. Antaranya:

(a) Keadaan orang-orang musyrikin dikalangan bangsa Arab yang terus kekal menyengutukan Allah s.w.t.

Dalam ayat-ayat pertama sehingga ayat yang kedua belas dalam surah Yasin, Allah s.w.t. menerangkan hal orang-orang musyrikin di kalangan bangsa Arab yang terus kekal menyengutukan Allah s.w.t. Maka akibat kedegilan mereka ini, Allah s.w.t. telah pun menutup pintu hati mereka menyebabkan mereka tidak beriman terhadap keesaan Allah s.w.t. dan dengan apa-apa yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w.<sup>1</sup>

(b) Kekufuran dan pembohongan kaum musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w.

Manakala dalam ayat yang ketiga belas sehingga keayat dua puluh tujuh, Allah s.a.w. membuat perumpamaan orang-orang musyrikin di kalangan bangsa Arab, di dalam kekufuran dan pembohongan mereka terhadap Rasulullah s.a.w. yang mengajak mereka beriman kepada keesaan

---

<sup>1</sup> al-Maraghiy, Juz. 8, ms. 150; al-Zuhailiy, Juz. 22, ms. 301.

Allah s..w.t serta keangkuhan mereka untuk mengikut nasihat-nasihat daripada baginda s.a.w. seperti keenganan kaum-kaum perkampungan Antakiyat yang terletak di Utara Negara Sham atau Syria. Maka apabila mereka ini terus berdegil amat senanglah bagi Allah s.w.t. memusnahkannya dengan hanya tiupan angin kencang sekali sahaja.<sup>1</sup>

(c) Cerita tentang penduduk perkampungan Antakiyat yang menerima azab daripada Allah s.w.t. di dunia dan akhirat.

Adapun ayat yang kedua puluh lapan sehingga ayat ketiga puluh dua pula, adalah sambungan cerita penduduk kampung Antakiyat. Allah s.w.t. menerangkan mereka ini dibinasakan oleh Allah s.w.t. dengan hanya satu pekikan oleh malaikat Jibrail dan mereka memperolehi azab di dunia serta azab di akhirat di atas pembohongan mereka terhadap rasul-rasul mereka.<sup>2</sup>

(d) Penegasan dari Allah s.w.t. bahawa kebangkitan semula selepas kematian adalah benar.

Seterusnya ayat ketiga puluh tiga sehingga ayat keempat puluh pula, Allah s.w.t. menegaskan bahawa kebangkitan semula selepas kematian adalah suatu kepastian. Sebagai buktinya, Allah s.w.t. maha berkuasa menghidupkan tumbuhan-tumbuhan di bumi yang kering kontang selepas turunnya hujan. Seterusnya Allah s.w.t. menyediakan taman-taman dan

---

<sup>1</sup> al-Maraghiy, Juz. 8, ms. 150; al-Zuhailiy, Juz. 22, ms. 301.

<sup>2</sup> al-Maraghiy, Juz. 9, ms. 4; al-Zuhailiy, Juz. 23, ms. 6-7; al-Sabbuniy, Jld.3, ms.11 & 13

sungai-sungai untuk kesenangan hidup manusia. Oleh itu wajiblah bagi mereka bersyukur di atas segala nikmat ini dengan hanya menyembah Allah s.w.t. sahaja. Seterusnya Allah s.w.t. menyatakan tentang kekuasaanNya Yang Maha Agung tentang pertukaran malam dan siang dan pergerakan matahari, bulan serta cerkawala-cerkawala dan bintang-bintang di langit yang merupakan ciptaanNya yang agung. Kemudian Allah s.w.t. menyatakan nikmat yang lain pula kepada manusia iaitu disediakan kepada mereka bahtera-bahtera yang merentasi lautan yang luas bagi manusia mencari rezeki yang terdapat diserata pelusuk dunia.<sup>1</sup> Serta nikmat-nikmat yang lain yang tidak terhitung.<sup>2</sup>

(e) Penolakan orang-orang kafir tentang keesaan Allah s.w.t dan kekuasaanNya.

Adapun ayat-ayat keempat puluh lima sehingga ayat-ayat keempat puluh tujuh, penolakan orang-orang kafir tentang keesaan Allah s.w.t. dan kekuasaanNya yang Maha Agung walaupun telah dibuktikanNya dengan ciptaan-ciptaanNya. Seterusnya mereka tetap tidak bertaqwa terhadap Allah s.w.t. dan tidak terdapat sedikit pun perasaan rahmat serta kasihan belas dalam hati-hati mereka terhadap hamba-hamba Allah s.w.t.. Orang-orang kafir ini tidak mengikut jejak langkah para ulama yang beriman kepada Allah s.w.t. setelah dipamerkan tanda-tanda kebesaranNya yang

---

<sup>1</sup> al-Zuhailiy, Juz. 23, ms. 12-13; al-Maraghiy, Juz. 9, ms. 6-14.

<sup>2</sup> Tantawiy, Jld.12, ms.8

Maha Agung. Berikut perbuatan mereka yang tidak beriman kepada Allah s.w.t. serta tidak ada perasaan rahmat dan kasihan belas terhadap hamba-hamba Allah s.w.t. mereka ditempelak dan dicaci oleh Allah s.w.t.<sup>1</sup>

(f) Keingkaran orang-orang kafir terhadap Hari Kebangkitan.

Seterusnya ayat-ayat yang keempat puluh lapan sehingga ayat-ayat yang kelima puluh empat, Allah s.w.t. menyentuh tentang keingkaran orang-orang kafir terhadap Hari Kebangkitan. Mereka meminta ia dipercepatkan sambil mempersenda-sendakannya bahawa ia tidak akan berlaku. Seterusnya Allah s.w.t. menegaskan Hari Kebangkitan pasti akan tiba dengan cara tiba-tiba sehingga mereka tak akan terasa ketibaannya. Amat mudah bagi Allah s.w.t. untuk mewujudkan kebangkitan semula selepas kematian. Ia hanya dengan sekali tiupan sengkekala sahaja.<sup>2</sup> Pada masa ini juga mereka menjadi bisu dan lidah mereka tidak dapat berkata-kata lagi.<sup>3</sup>

(g) Orang-orang beriman yang baik amalan mereka akan mendapat ganjaran pahala.

Selepas Allah s.w.t menegaskan bahawa kebangkitan semula selepas kematian pasti akan berlaku, maka dalam ayat-ayat kelima puluh lima sehingga ayat-ayat kelima puluh lapan Allah s.w.t menerangkan bahawa

---

<sup>1</sup> al-Maraghiy, Juz. 9, ms. 16; al-Zuhailiy, Juz. 23, ms. 22; al-Sabbuniy, Jld.3, ms.13

<sup>2</sup> al-Maraghiy, Juz. 9, ms. 18-19; al-Zuhailiy, Juz. 23, ms. 27.

<sup>3</sup> Tantawiy, Jld.12, ms.8

orang-orang beriman yang baik amalan mereka akan mendapat ganjaran pahala pada hari tersebut. Tujuan dinyatakan ganjaran pahala ini adalah untuk memberi perangsang kepada orang-orang beriman supaya meneruskan amalan-amalan baik.<sup>1</sup>

(h) Keadaan penjenayah-penjenayah di dunia dan di akhirat.

Seterusnya dalam ayat-ayat kelima puluh sembilan sehingga ayat-ayat keenam puluh lapan, Allah s.w.t. menerangkan keadaan penjenayah-penjenayah di dunia dan akhirat. Di akhirat mereka akan dibezakan serta dipisahkan daripada orang-orang beriman. Di mana orang-orang beriman mendapat rahmat, manakala penjenayah-penjenayah pula mereka akan kekal dibakar dalam neraka selama-lamanya dengan sebab kekufuran mereka serta dengan sebab mereka mengikut bisikan-bisikan syaitan. Adapun semasa hidup di dunia tidak dipercepatkan balasan terhadap orang-orang kafir kerana sifat rahmat Allah s.w.t. terhadap mereka. Di samping itu juga Allah s.w.t. masih lagi memberi peluang kepada mereka untuk bertaubat. Ataupun Allah s.w.t. menukarkan bentuk fizikal sehingga mereka menjadi seperti kera dan babi.<sup>2</sup>

(i) Keesaan Allah s.w.t. serta tanda-tanda keesaannya dan kesesatan kaum musyrikin yang berterusan.

---

<sup>1</sup> al-Zuhailiy, Juz. 23, ms.32, al-Maraghiy, Juz. 9, ms. 21-22.

<sup>2</sup> al-Zuhailiy, Juz. 23, ms. 36; al-Maraghiy, Juz. 9, ms. 24-25.

Manakala dalam ayat-ayat keenam puluh sembilan hingga ke ayat-ayat tujuh puluh enam pula, setelah Allah s.w.t. menyebut tentang keesaanNya di dalam ayat keenam puluh satu, tentang kebangkitan semula selepas kematian dan kerasulan dalam ayat-ayat keenam puluh tiga dan keenam puluh empat Allah s.w.t. menyebut semula tentang keesaanNya di dalam ayat-ayat ini. Di samping itu juga Allah s.w.t. menyebut tanda-tanda keesaanNya. Seterusnya Allah s.w.t. menyatakan mereka bertambah sesat serta terus beribadah kepada selain dari Allah s.w.t. yang mana ia tidak berupaya memberi apa-apa faedah dan juga tidak mampu memudaratkan mereka. Walaupun begitu orang-orang kafir masih lagi beranggapan ia boleh memberi pertolongan kepada mereka. Pada hal ia langsung tidak mampu memberi sebarang pertolongan terhadap mereka.<sup>1</sup>

(j) Keraguan orang-orang yang ingkar terhadap kebangkitan semula selepas kematian.

Seterusnya dalam ayat-ayat tujuh puluh tujuh sehingga ayat-ayat kelapan puluh tiga pula, selepas dinyatakan dalil-dalil tentang kekuasaan Allah s.w.t. dan kewajipan mentaati dan beribadah kepada Allah s.w.t. serta kebatilan orang-orang yang menyengutukanNya, Allah s.w.t. menyatakan pula keraguan orang yang ingkar terhadap kebangkitan semula selepas kematian. Yang mana Allah s.w.t. menyatakan. Pertama, menghidupkan yang mati seperti juga menjadikannya, malah ia lebih mudah bagiNya.

---

<sup>1</sup> al-Maraghiy, Jld. 8, ms. 29-34; al-Zuhailiy, Juz. 23, ms. 44.

Kedua, Allah s.w.t. maha berkuasa membakar pokok yang hijau walaupun ia basah kerana dipenuhi air. Ketiga, Allah s.w.t. telah mencipta makhluk yang lebih agung dari manusia iaitu langit dan bumi dengan secara pantas.<sup>1</sup>

#### 7.4. Kelebihan Surah Yasin

Surah Yasin mempunyai kelebihan yang tertentu. Ia boleh diterjemahkan dalam hadis-hadis berikut.

عَنْ أَنَسٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ لِكُلِّ شَيْءٍ قَلْبًا وَقَلْبُ الْقُرْآنِ يَسٍ وَمَنْ قَرَأَ

يَسٍ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ بِقِرَاءَتِهَا قِرَاءَةَ الْقُرْآنِ عَشْرَ مَرَّاتٍ<sup>2</sup>

(Sesungguhnya setiap sesuatu mempunyai hati. Yasin merupakan hati al-Qur'an. Barangsiapa yang membaca Yasin, Allah memberi ganjaran kepadanya sepuluh kali membaca al-Qur'an).

Dari sini kita dapat fahami bahawa kedudukan surah Yasin adalah begitu tinggi berbanding surah lain, dimana ia umpama hati bagi al-Qur'an al-Karim, dimana hati adalah organ yang paling penting bagi manusia. Begitu juga ia mempunyai kelebihan yang besar sehingga ganjaran pahala membacanya sama dengan sepuluh kali membaca al-Qur'an al-Karim.

---

<sup>1</sup> al-Maraghiy, Jld. 9, ms. 36; al-Zuhailiy, Juz. 23, ms. 55

<sup>2</sup> Sunan al-Tarmiziy, Kitab Fada'il al-Qur'an, Bab Ma ja' fi Fadl Yasin; <http://hadith.al-islam.com/23/12/2007>.

عَنْ مَعْقَلِ بْنِ يَسَارٍ قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : اقْرَأُوا يَسَّ عَلَى مَوْتَاكُمْ<sup>1</sup>

(Bacalah surah Yasin ke atas orang mati)

Dari sini kita dapat fahami bahawa kedudukan surah Yasin bukan setakat ia amat penting dalam kehidupan seharian orang-orang Islam. Malah ia juga amat penting bagi mereka semasa menghadapi saat-saat kematian dan selepas mati. Sehingga nabi Muhammad s.a.w. menyuruh kita membaca surah Yasin terhadap orang-orang Islam yang mati.

عَنْ مَعْقَلِ بْنِ عِسَارٍ قَالَ: قَالَ الرَّسُولُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اقْرَءُوهَا عِنْدَ مَوْتَاكُمْ يَغْنِي يَسَّ<sup>2</sup>

(Bacalah ke atas orang yang mati di kalangan kamu iaitu surah Yasin)

Berdasarkan kepada hadith-hadith di atas kita boleh membuat kesimpulan bahawa surah Yasin terlalu banyak kelebihan berbanding surah-surah lain.

---

<sup>1</sup> Sunan Abi Daud: Kitab al-Jana'iz, Bab al-Qiraat 'Inda al-mayyit, Juz. 3, ms. 191.

<sup>2</sup> Muhammad Fuad 'Abdul Baqi, Sunan Ibn Majah: Kitab al-Jana'iz, Bab Ma Ja' fi ma Yuqal 'inda al-marid dha hadara al-maut, Juz.2, ms. 10; [http://hadith al-islam.com/23/12/2007](http://hadith.al-islam.com/23/12/2007)

## 7.5. Maf'ul Bih Dalam Surah Yasin

### 1. (تَنْزِيلَ الْعَزِيزِ الرَّحِيمِ)<sup>1</sup>

(Al-Qur'an itu, diturunkan oleh Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengasihani). Kata nama terbitan تَنْزِيلَ di baca dengan mansub kerana

(i) Pendapat pertama mengatakan ia berfungsi sebagai maf'ul bih kepada kata kerja أَعْنِي yang dibuang.<sup>2</sup> Jika disebut أَعْنِي ayat suci ini akan berbunyi

<sup>3</sup> أَعْنِي بِالْقُرْآنِ الْحَكِيمِ تَنْزِيلَ الْعَزِيزِ الرَّحِيمِ (Aku bermaksud al-Qur'an yang bijaksana, al-Qur'an itu diturunkan oleh Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengasihani)

(ii) Pendapat kedua menyatakan ia berfungsi sebagai maf'ul bih kepada kata kerja أَمْدَحُ yang dibuang.<sup>4</sup> Jika disebut أَمْدَحُ ayat suci ini akan

berbunyi أَمْدَحُ بِالْقُرْآنِ الْحَكِيمِ تَنْزِيلَ الْعَزِيزِ الرَّحِيمِ (Aku memuji al-Qur'an yang bijaksana, al-Qur'an itu diturunkan oleh Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengasihani)

---

<sup>1</sup> Surah Yasin: ayat 5

<sup>2</sup> al-Zamakhshariy, Juz 3, ms. 314; al-Fakhr al-Razi, Juz 25, ms. 42; al-Darwisy, Juz. 8, ms. 174; al-Barusawiy, Jld. 7, ms. 367.

<sup>3</sup> al-Barusawiy, Jld. 7, ms. 367

<sup>4</sup> al-Darwisy, Juz. 8, ms. 174.

Penulis lebih mirip kepada pendapat yang kedua iaitu تَنْزِيلٌ dinasabkan oleh kata kerja أَمَدَحُ . Ini adalah disebabkan sekiranya ia dinasabkan oleh kata kerja أَعْنِي ini bermakna ia adalah uslub ikhtisas dan kata nama تَنْزِيلٌ adalah مُخْتَصٌّ. Tetapi تَنْزِيلٌ disini tidak boleh menjadi مُخْتَصٌّ kerana ia adalah kata nama نَكْرَةٌ sedangkan مُخْتَصٌّ mestilah kata nama مَعْرِفَةٌ .

2. (لَتُنذِرَ قَوْمًا مَّا أُنذِرَ ءَابَاؤُهُمْ فَهُمْ غَافِلُونَ)<sup>1</sup>

(Supaya engkau memberi peringatan dan amaran kepada kaum yang datuk neneknya telah lama tidak diberikan peringatan dan amaran, sebab itulah mereka lalai). Kata nama قَوْمًا berfungsi sebagai maf'ul bih. Agen yang menasabkannya adalah kata kerja تُنذِرُ. Manakala ayat selepas kata nama قَوْمًا iaitu مَا أُنذِرَ ءَابَاؤُهُمْ menjadi sifat kepada kata nama قَوْمًا.<sup>2</sup> Yang dimaksudkan dengan قَوْمًا ialah orang-orang Arab.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Surah Yasin, ayat 6.

<sup>2</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms. 175

<sup>3</sup> Ibn Kathir, Jld. 6, ms. 549; al-Barusawiy, Jld. 7, ms. 368.

Kata nama قَوْمًا adalah kata nama banyak (اسْمُ الْجَمْعِ) walaupun dari sudut bilangannya ia merupakan kata nama tunggal (الاسْمُ الْمُفْرَدُ) tetapi ia merangkumi individu yang ramai. Manakala (الاسْمُ الْجَمْعِ) bagi kata nama ini adalah أَقْوَامٌ .

3.            <sup>1</sup> (إِنَّا جَعَلْنَا فِي أَعْنَاقِهِمْ أَغْلَالًا فَهِيَ إِلَى الْأَذْقَانِ فَهُمْ مُقْمَحُونَ)

(Sesungguhnya kami jadikan (kesombongan dan keengganan mereka tunduk kepada kebenaran sebagai) belenggu yang memberkas kedua tangan mereka kebatang leher mereka; (lebarnya belenggu itu) sampai (menongkakkan) dagu mereka lalu menjadilah mereka terdongak).

Ungkapan فِي أَعْنَاقِهِمْ, partikel فِي dan kata nama majrur selepasnya mengambil tempat maf'ul bih yang kedua kepada kata kerja جَعَلْنَا.

Manakala kata nama أَغْلَالًا berfungsi sebagai maf'ul bih kepada kata kerja

جَعَلْنَا.<sup>2</sup> Ini adalah disebabkan kata kerja جَعَلَ tergolong dalam kata kerja yang menasabkan dua maf'ul bih.

---

<sup>1</sup> Surah Yasin, ayat 8

<sup>2</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms. 176.

4. <sup>1</sup> (وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ)

(Dan kami jadikan (sifat tamak dan gila mereka kepada harta benda dan pangkat itu sebagai) sekatan (yang menghalang daripada memandang kepada keburukan dan kesingkatan masa dunia yang ada) di hadapan mereka, dan sekatan (yang menghalang mereka daripada memikirkan azab yang ada) di belakang mereka (pada hari Kiamat). Lalu kami tutup pandangan mereka maka dengan itu, mereka tidak dapat melihat (jalan yang benar)). مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ mengambil tempat maf'ul bih yang kedua kepada kata kerja جَعَلْنَا. Manakala kata nama سَدًّا adalah maf'ul bih kepada kata kerja جَعَلْنَا. Seterusnya kata ganti nama yang berhubung هُمْ adalah maf'ul bih. Agen yang menasabkannya adalah kata kerja أَغْشَيْنَا.<sup>2</sup>

Kata ganti nama berhubung هُمْ adalah untuk diri ketiga maskulin.

Manakala kata ganti nama ketiga feminin adalah هُنَّ. Dalam konteks ini walaupun hanya disebut untuk maskulin tetapi ia juga merangkumi feminin.

---

<sup>1</sup> Surah Yasin, ayat 9.

<sup>2</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms. 176.

5. (وَسَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ)<sup>1</sup>

(Dan (dengan sebab itu) sama sahaja kepada mereka, engkau beri amaran atau engkau tidak beri amaran kepadanya – mereka tidak akan beriman).

Kata ganti nama **هُمْ** berfungsi sebagai maf'ul bih kepada kata kerja **تُنذِرُ**.<sup>2</sup>

Kata ganti nama berhubung **هُمْ** adalah untuk diri ketiga maskulin.

Manakala kata ganti nama ketiga feminin adalah **هِنَّ** . Dalam konteks ini walaupun hanya disebut untuk maskulin tetapi ia juga merangkumi feminin.

6. ﴿إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ اتَّبَعَ الذُّكْرَ وَخَشِيَ الرَّحْمَانََ الْعَلِيمَ فَبَشِّرْهُ بِمَغْفِرَةٍ وَأَجْرٍ كَرِيمٍ﴾<sup>3</sup>

(Sesungguhnya peringatan dan amaran (yang berkesan dan mendatangkan faedah) hanyalah yang engkau berikan kepada orang yang sedia menurut ajaran al-Qur'an serta ia takut (melanggar perintah Allah) al-Rahman semasa ia tidak dilihat orang dan semasa ia tidak melihat azab Tuhan. Oleh itu berilah kepadanya berita yang mengembirakan dengan keampunan dan pahala yang mulia). Kata nama mawsul **مَنْ** berfungsi maf'ul bih kepada

<sup>1</sup> Surah Yasin, ayat 10.

<sup>2</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms. 179.

<sup>3</sup> Surah Yasin, ayat 11.

kata kerja تُنذِرُ. Kata nama mawsul مَنْ adalah untuk yang berakal. Dalam konteks ini tidak digunakan kata nama mawsul مَا kerana kata nama mawsul مَا digunakan untuk yang tidak berakal. Manakala kata ganti nama هُ maf'ul bih kepada kata kerja يَشِّرُ.<sup>1</sup> Yang dimaksudkan dengan kata ganti nama هُ ialah setiap orang-orang beriman yang sentiasa mendapat keampunan dari Allah s.w.t. Di mana mereka ini sentiasa mendapat ganjaran pahala daripada Allah s.w.t. di atas segala amalan-amalan baik mereka.<sup>2</sup> Dalam ayat di atas digunakan lafaz al-Rahman (الرَّحْمَنُ) untuk melambangkan kelembutan Allah s.w.t. terhadap hamba-hambanya. Di mana Allah s.w.t. sentiasa memberi rahmat terhadap mereka selagi mana mereka bertawakal dan mengharapkan rahmat daripadaNya.<sup>3</sup>

Kata nama الرَّحْمَنُ berfungsi sebagai maf'ul bih kepada kata kerja

فَعْلَانُ . Kata nama الرَّحْمَنُ adalah kata nama kepalingan atas pola حَشِي .

---

<sup>1</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms. 179-180.

<sup>2</sup> al-Fakhr al-Raziy, Juz 25, ms. 47.

<sup>3</sup> al-Fakhr al-Raziy, Juz 25, ms. 47.

7. ﴿إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَءِثَارَهُم ۚ وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ فِي إِمَامٍ

مُبِينٍ<sup>1</sup>

(Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang mati, dan Kami tuliskan segala yang mereka telah kerjakan serta segala kesan perkataan dan perbuatan yang mereka tinggalkan dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu Kami catitkan satu persatu dan kitab (ibu suratan) yang jelas nyata). Kata nama *الْمَوْتَى* berfungsi sebagai maf'ul bih kepada kata kerja *نُحْيِي*. Kata kerja *نُحْيِي* adalah kata kerja kala kini atas pola *يُفَعِّلُ*. Kata kerja kala lalu ialah *أَحْيَا* atas pola *الْفِعْلُ الثَّلَاثِيُّ الْمَزِيدُ بِحَرْفِ ( أَفْعَلُ*. Ia adalah kata kerja tambah satu huruf ( *وَاحِدٍ*). Kata nama *الْمَوْتَى* adalah kata nama jama' taksir atas pola *فَعْلَى*. Kata nama mufrad ialah *مَيِّتٌ* atas pola *فَعِيلٌ*.

Kata nama mawsul *مَا* berfungsi sebagai maf'ul bih kepada kata kerja *نَكْتُبُ*. Kata nama mawsul *مَا* berbeza dengan kata nama mawsul *مَنْ* dari sudut penggunaannya. Yang mana kata nama mawsul *مَنْ* digunakan untuk

---

<sup>1</sup> Surah Yasin, ayat 12

yang berakal iaitu manusia. Dalam ayat ini digunakan kata nama mawsul ما kerana yang dimaksudkan dengannya bukanlah manusia tetapi segala amalan-amalan mereka. Manakala kata ganti nama هُ adalah maf'ul bih kepada kata kerja أَخَصَى<sup>1</sup>.

8. (وَاضْرِبْ لَهُمْ مَثَلًا أَصْحَابَ الْقَرْيَةِ إِذْ جَاءَهَا الْمُرْسَلُونَ)<sup>2</sup>

(Dan ceritakanlah kepada mereka satu keadaan yang ajaib mengenai kisah penduduk sebuah Bandar (yang tertentu, iaitu ketika mereka didatangi Rasul-Rasul (kami)). Kata nama مَثَلًا adalah maf'ul bih yang kedua kepada kata kerja suruh اضْرِبْ dan kata nama أَصْحَابَ pula adalah maf'ul bih yang pertama bagi kata kerja suruh اضْرِبْ<sup>3</sup>. Kata kerja اضْرِبْ bagi ayat tersebut membawa makna kata kerja اجْعَلْ. Oleh itu ia memerlukan dua maf'ul bih disebabkan kata kerja اجْعَلْ tergolong dalam kata kerja yang menasabkan dua maf'ul bih. Yang dimaksudkan dengan أَصْحَابَ الْقَرْيَةِ disini ialah

---

<sup>1</sup> al-Darwisy, Juz. 8, ms. 180; Mahmud Safiy, Jld. 11, ms 294.

<sup>2</sup> Surah Yasin, ayat 13.

<sup>3</sup> al-Darwisy, Juz. 8, ms. 182; al-Alusiy, Juz. 21, ms. 220.

penduduk أَنْطَاكِيَّةً<sup>1</sup>. Kata ganti nama berhubung هَا adalah maf'ul bih kepada kata kerja جَاءَ .

9. (إِذْ أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمُ اثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ فَقَالُوا إِنَّا إِلَيْكُم مُّرْسَلُونَ)<sup>2</sup>

(Ketika kami mengutus kepada mereka dua orang Rasul lalu mereka mendustakannya, kemudian kami kuatkan (kedua Rasul itu) dengan Rasul yang ketiga, lalu Rasul-Rasul itu berkata: “Sesungguhnya kami ini adalah diutuskan kepada kamu)). Kata nama اثْنَيْنِ adalah maf'ul bih kepada kata kerja أَرْسَلْنَا dan kata ganti nama yang berhubung هُمَا merupakan maf'ul bih kepada kata kerja كَذَّبَ<sup>3</sup>. Kata nama اثْنَيْنِ adalah kata nama bilangan untuk dua yang mana tanda mansubnya adalah “ي” iaitu disebut dengan اثْنَيْنِ .

Seterusnya marf'u dengan huruf “ا” iaitu disebut dengan اِثْنَانٍ .Seterusnya dalam ayat suci al-Qur'an di atas terdapat maf'ul bih kepada kata kerja عَزَّزَ yang dibuang. Maf'ul bih yang dibuang adalah kata ganti nama yang berhubung هُمَا. Dari sudut pengkajian ilmu retorik (الْبَلَاغَةُ), pembuangan

<sup>1</sup> al-Tabariy, Jld. 8, ms. 101.

<sup>2</sup> Surah Yasin, ayat 14.

<sup>3</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms. 182-183.

maf'ul bih ini adalah bertujuan untuk membawa makna yang padat lagi tepat dengan menggunakan ayat yang ringkas iaitu (فَنُزِّلَ الْإِنجِيلَ). Seterusnya pembuangan maf'ul bih ini juga, untuk menguatkan lagi tentang kebenaran utusan-utusan Allah s.w.t. dan dalam masa yang sama terserlah dengan begitu jelas sekali kemuliaan serta keperkasaan para utusan-utusan Allah s.w.t. dan kehinaan orang-orang yang menolak kerasulan utusan-utusan Allah s.w.t.<sup>1</sup> Yang dimaksudkan dua orang Rasul yang terdahulu ialah Syam'un dan Yuhana manakala Rasul yang ketiga ialah Bulas.<sup>2</sup>

10. <sup>3</sup> (قَالُوا مَا أَنْتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا وَمَا أَنْزَلَ الرَّحْمَٰنُ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا أَنْتُمْ إِلَّا تَكْذِبُونَ)

(Penduduk Bandar itu menjawab: “Kamu ini tidak lain hanyalah manusia seperti kami juga, dan Tuhan Yang Maha Pemurah tidak menurunkan sesuatu pun (tentang agama yang kamu dakwakan) kamu ini tidak lain hanyalah berdusta”). Kata nama شَيْءٍ berfungsi sebagai maf'ul bih, walaupun ia didahului oleh partikel مِنْ. Agen yang menasabkannya ialah kata kerja

أَنْزَلَ.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms. 183; Mahmud Safiy, Jld. 11, ms. 296; al-Zamakhshariy, Juz. 3, ms. 317-318.

<sup>2</sup> Ibn Kathir, Jld. 6, ms. 554.

<sup>3</sup> Surah Yasin, ayat 15

<sup>4</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms. 183; Mahmud Safiy, Jld 11, ms. 297.

11. (قَالُوا رَبُّنَا يَعْلَمُ إِنَّا إِلَيْكُمْ لَمُرْسَلُونَ) <sup>1</sup>

(Rasul-Rasul berkata: “Tuhan kami mengetahui bahawa sesungguhnya kami adalah Rasul-Rasul yang diutus kepada kamu”).

Ayat قَالُوا رَبُّنَا يَعْلَمُ إِنَّا إِلَيْكُمْ لَمُرْسَلُونَ menampung maf'ul bih pertama dan kedua bagi kata kerja يَعْلَمُ.<sup>2</sup>

12. ﴿قَالُوا إِنَّا تَطَيَّرْنَا بِكُمْ لَئِن لَّمْ تَنْتَهُوا لَنَرْجِمَنَّكُمْ وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾ <sup>3</sup>

(Penduduk Bandar itu berkata pula: “Sesungguhnya kami merasa nahas dan malang dengan sebab kamu. Demi sesungguhnya, kalau kamu tidak berhenti (dari menjalankan tugas yang kamu katakan itu), tentulah kami akan merejam kamu dan sudah tentu kamu akan merasai dari pihak kami azab seksa yang tidak terperi sakitnya”). Kata ganti nama كُمْ adalah

maf'ul bih kepada kata kerja نَرْجِمَنَّكُمْ. Manakala kata ganti nama كُمْ yang

seterusnya adalah maf'ul bih kepada kata kerja يَمَسُّ.<sup>4</sup> Kata nama كُمْ adalah

kata ganti nama berhubung bagi pihak kedua maskulin ramai (jama‘).

---

<sup>1</sup> Surah Yasin, ayat 16

<sup>2</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms. 183; Mahmud Safiy, Jld. 11, ms. 298.

<sup>3</sup> Surah Yasin, ayat 18

<sup>4</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms 184; Mahmud Safiy, Jld. 11, ms. 299.

Sekiranya ganti nama berhubung bagi pihak kedua feminin ramai (jama‘) adalah كُنَّ . Tetapi dalam konteks ini semua utusan Allah s.w.t. adalah terdiri dari kaum lelaki sahaja. Ini adalah disebabkan kaum perempuan tidak mampu menghadapi cabaran yang sebegitu berat jika dibandingkan dengan kaum lelaki.

13. (وَجَاءَ مِنْ أَقْصَى الْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَى قَالَ يَا قَوْمِ اتَّبِعُوا الْمُرْسَلِينَ)<sup>1</sup>

(Dan (semasa Rasul-Rasul itu diancam), datang seorang lelaki dari hujung Bandar itu dengan berlari, lalu memberi nasihat dengan katanya: “Wahai kaumku! Turutlah Rasul-Rasul itu”). Kata nama الْمُرْسَلِينَ berfungsi sebagai maf‘ul bih. Manakala agen yang menasabkannya ialah kata kerja اتَّبِعُوا.<sup>2</sup>

Kata nama الْمُرْسَلِينَ adalah kata nama objek ramai (jama‘ mudhakkar salim)

di atas pola مُفْعَلٌ . Ia berasal dari kata kerja kala lalu أَرْسَلَ di atas pola أَفْعَلٌ

dan kata kerja kala kini adalah يُرْسِلُ di atas pola يُفْعَلُ . Ia adalah kata kerja

tambah satu huruf (الْفِعْلُ الثَّلَاثِيُّ الْمَرْبُوعُ بِحَرْفٍ وَاحِدٍ)

---

<sup>1</sup> Surah Yasin, ayat 20.

<sup>2</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms. 188.

14. ( اتَّبِعُوا مَنْ لَا يَسْأَلُكُمْ أَجْرًا وَهُمْ مُهْتَدُونَ)<sup>1</sup>

(“Turutlah orang-orang yang tidak meminta kepada kamu sesuatu balasan, sedang mereka adalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”).

Kata nama mawsul مَنْ adalah maf‘ul bih kepada kata kerja اتَّبِعُوا manakala

kata ganti nama yang berhubung كُمْ merupakan maf‘ul bih yang pertama

kepada kata kerja يَسْأَلُ dan kata nama أَجْرًا pula adalah maf‘ul bih yang

kedua kepada kata kerja يَسْأَلُ<sup>2</sup> Kata nama mawsul مَنْ adalah untuk yang

berakal iaitu dikhususkan kepada manusia. Manakala kata kerja يَسْأَلُ

adalah tergolong dalam kata kerja transitif yang menasabkan dua maf‘ul

bih. Kata nama أَجْرًا adalah masdar atas pola فَعْلٌ . Kata kerja kala lalu ialah

يَفْعَلُ atas pola فَعَلَ . Kata kerja kala kini ialah يَأْجُرُ atas pola يَفْعَلُ .

15. (وَمَا لِي لَا أَعْبُدُ الَّذِي فَطَرَنِي وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ)<sup>3</sup>

(Dan “Apabila ditanya: Sudahkah engkau menerima agama mereka? Maka jawabnya): “Mengapa aku tidak menyembah Tuhan menciptakan daku, dan

---

<sup>1</sup> Surah Yasin, ayat 21

<sup>2</sup> al-Darwisy, Juz. 8, ms. 188; Mahmud Safiy, Jld. 11, ms. 301

<sup>3</sup> Surah Yasin, ayat 22

yang kepadaNyalah (aku dan) kamu semua akan dikembalikan?). Kata nama mawsul الَّذِي adalah maf'ul bih kepada kata kerja أَعْبُدُ.<sup>1</sup> Kata nama mawsul الَّذِي memang hanya dikhususkan untuk tujuan mawsul sahaja.

Walaupun ia digunakan untuk yang berakal sebagaimana kata nama مَنْ tetapi ia berbeza dengan kata nama مَنْ , kerana kata nama مَنْ mempunyai fungsi yang lain. Ia difahami melalui konteks ayat. Yang mana kata nama مَنْ kadang kala digunakan untuk pertanyaan seperti مَنْ أَنْتَ؟ (siapa engkau) atau untuk syarat seperti مَنْ جَدَّ وَجَدَّ (siapa yang berusaha dia berjaya).

Kata ganti mana berhubung “ي” berfungsi sebagai maf'ul bih kepada kata kerja فَطَرَ . Kata ganti nama ini adalah kata ganti nama yang berhubung bagi diri pertama seorang.

16. (ءَأَتَّخِذُ مِنْ دُونِهِ آلِهَةً إِنْ يُرِدِ الرَّحْمَانُ بِضُرٍّ لَّا تُغْنِي عَنْهُمْ شَيْئًا وَلَا

يُنْقِذُونِ)<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms 188; Mahmud Safiy, Juz 11, ms. 301.

<sup>2</sup> Surah Yasin, ayat 23

(“Patutkah aku menyembah beberapa tuhan yang lain dari Allah? (Sudah tentu tidak patut, kerana) jika Allah Yang Maha Pemurah hendak menimpakan daku dengan sesuatu bahaya, mereka tidak dapat memberikan sebarang syafa‘at kepadaku, dan mereka juga tidak dapat menyelamatkan daku)). Rangkai kata وَمِنْ دُونِهِ adalah maf‘ul bih yang kedua kepada kata kerja أَتَّخِذُ manakala kata nama آلهَةً pula adalah maf‘ul bih yang pertama kepada kata kerja أَتَّخِذُ. Seterusnya jika menurut tulisan imlai akan ditulis dengan اِن يُرِدِنِي الرَّحْمَانُ. Tetapi apabila mengikut Rasam Uthmani maka huruf ي yang merupakan kata ganti nama pertama berhubung dibuang. Kata ganti nama yang dibuang ini adalah maf‘ul bih kepada kata kerja يُرِدُ.<sup>1</sup> Kata nama شَيْئًا adalah maf‘ul bih kepada kata kerja تُغْنِي.<sup>2</sup>

17.

(إِنِّي ءَامَنْتُ بِرَبِّكُمْ فَاسْمِعُونِ)<sup>3</sup>

(“Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhan kamu, maka dengarlah (nasihatku)”). Kata ganti nama pertama yang berhubung iaitu ي yang

<sup>1</sup> al-Darwisy, Juz. 8, ms. 188.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Surah Yasin: ayat 25

dibuang mengikut Rasam Uthmani selepas kata kerja suruhan **إِسْمَعِ** adalah maf'ul bih kepada kerja suruhan tersebut.<sup>1</sup> Pembuangan kata ganti nama ini **ي** adalah untuk menjaga rangkap ayat.<sup>2</sup>

18. **(بِمَا غَفَرَلِي رَبِّي وَجَعَلَنِي مِنَ الْمُكْرَمِينَ)**<sup>3</sup>

(“Tentang perkara yang menyebabkan daku diampunkan oleh Tuhanku, serta jadikanNya daku dari orang-orang yang dimuliakan!”). Kata ganti nama yang berhubung yang pertama “**ي**” adalah maf'ul bih yang pertama kepada kata kerja **جَعَلَ** manakala rangkaikata **مِنَ الْمُكْرَمِينَ** adalah maf'ul bih yang kedua kepada kata kerja yang sama.<sup>4</sup> Kata nama **الْمُكْرَمِينَ** adalah kata nama objek ramai (jama' mudhakkar salim) atas pola **مُفْعِلٌ** . Kata kerja kala lalunya ialah **أَكْرَمَ** atas pola **أَفْعَلَ** kata kerja kala kininya ialah **يُكْرِمُ** atas pola **الْفِعْلُ الثَّلَاثِيُّ الْمَرْبُوحُ بِحَرْفٍ وَاحِدٍ** . Ia adalah kata kerja tambah satu huruf **يُفْعِلُ** .

<sup>1</sup> al-Darwisy, Juz. 8, ms. 189; Mahmud Safiy, Juz. 11, ms. 302.

<sup>2</sup> Mahmud Safiy, Juz. 11, ms. 302.

<sup>3</sup> Surah Yasin, ayat 27.

<sup>4</sup> al-Darwisy, Juz. 8, ms. 189.

19. (وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَى قَوْمِهِ مِنْ بَعْدِهِ مِنْ جُنْدٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَمَا كُنَّا مُنْزِلِينَ)<sup>1</sup>

(Dan kami tidak menurunkan kepada kaumnya sesudah ia (mati) sebarang pasukan tentera dari langit (untuk membinasakan mereka), dan tidak perlu kami menurunkannya). Kata nama جُنْدٌ adalah majrur kerana ia didahului oleh partikel مِنْ manakala dari sudut lokasi ia adalah maf'ul bih kepada kata kerja أَنْزَلَ.<sup>2</sup> Yang dimaksudkan dengan جُنْدٌ disini ialah para malaikat-malaikat.<sup>3</sup> Kata nama جُنْدٌ adalah kata nama ramai (اسْمُ الْجِنْسِ الْجَمْعِيِّ). Yang dimaksudkan dengannya ialah walaupun dari sudut lafaznya ia adalah ( ) (الْإِسْمُ الْمُفْرَدُ) kata nama tunggal tetapi di dalamnya merangkumi individu yang ramai. Kata nama tunggalnya ialah الْجُنْدِيُّ .

20. (يَا حَسْرَةً عَلَى الْعِبَادِ مَا يَأْتِيهِمْ مِّن رَّسُولٍ إِلَّا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ)<sup>4</sup>

(Sesungguhnya besar perasaan sesal dan kecewa yang menimpa hamba-hamba (yang mengingkari kebenaran). Tidak datang kepada mereka

---

<sup>1</sup> Surah Yasin, ayat 28.

<sup>2</sup> al-Darwisy, Juz. 8, ms. 189.

<sup>3</sup> Ibn Kathir, Jld. 6, ms. 558.

<sup>4</sup> Surah Yasin, ayat 30.

seorang Rasul melainkan mereka mengejek-ejek dan memperolok-olokkannya). Kata ganti nama berhubung yang ketiga “هُمْ” adalah maf’ul bih kepada kata kerja يَأْتِي<sup>1</sup>. Di dalam ayat suci al-Qur’an al-Karim di atas terdapat maf’ul bih yang dibuang. Maf’ul bih yang dibuang ini boleh diandaikan seperti berikut:

(i) Para pendakwah (الْمُتَّصِحِّينَ) agen yang menasabkannya ialah kata kerja (يَسْتَهْزِئُونَ)<sup>2</sup>.

(ii) Para Rasul (رُسُلُ اللَّهِ) agen yang menasabkannya ialah kata kerja (يَسْتَهْزِئُونَ)<sup>3</sup>.

Maf’ul bih ini dibuang bertujuan penyesuaian dari sudut makna (telah dihuraikan dalam perkara 2.6).

21. <sup>4</sup> (أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُمْ مِّنَ الْقُرُونِ أَنَّهُمْ إِلَيْهِمْ لَا يَرْجِعُونَ)

(Tidakkah mereka mengetahui berapa banyak umat-umat yang telah kami binasakan sebelum mereka?. Umat-umat yang telah binasa itu tidak

<sup>1</sup> al-Darwisy, Juz. 8, ms. 193.

<sup>2</sup> al-Alusiy, Juz. 23, ms.3; al-Barusawiy, Jld. 7, ms. 389.

<sup>3</sup> al-Tabariy, Jld. 9, ms.3; al-Zamakhsyariy, Juz. 3, ms. 320; Ibn Kathir, Jld. 6, ms. 560.

<sup>4</sup> Surah Yasin, ayat 31.

kembali lagi kepada mereka (bahkan kembali kepada kami untuk menerima balasan)). Partikel **كَمْ خَيْرِيَّةٌ** adalah maf'ul bih kepada kata kerja **أَهْلَكَ** yang disebut selepasnya. Seterusnya (**كَمْ أَهْلَكُنَا**) adalah maf'ul bih kepada kata kerja **يَرَوْا**.<sup>1</sup>

22. **(وَعَايَةٌ لَهُمُ الْأَرْضُ الْمَيْتَةُ أَحْيَيْنَاهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ)**<sup>2</sup>

(Dan dalil yang terang untuk mereka (memahami kekuasaan dan kemurahan kami), ialah bumi yang mati; Kami hidupkan dia serta Kami keluarkan daripadanya biji-bijian, maka daripada biji-bijian itu mereka makan). Kata ganti nama berhubung **هَا** adalah maf'ul bih kepada kata kerja **أَحْيَيْنَا**. Kata kerja ini adalah kata kerja kala lalu di atas pola **أَفْعَلَّ**.

Manakala kata kerja kala kini ialah **يُحْيِي** di atas pola **يُفْعَلُّ**. Ia adalah kata kerja tambah satu huruf **(الْفِعْلُ الثَّلَاثِيُّ الْمَرْبُوحُ بِحَرْفٍ وَاحِدٍ)**. Kata nama **حَبًّا** adalah maf'ul bih kepada kata kerja **أَخْرَجَ**.<sup>3</sup> Di dalam ayat suci al-Qur'an al-

Karim terdapat maf'ul bih yang dibuang. Maf'ul bih yang dibuang ini

<sup>1</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms. 194; Mahmud Safiy, Jld. 12, ms. 7.

<sup>2</sup> Surah Yasin, ayat 33.

<sup>3</sup> al-Darwisy, Juz 8, ms. 196.

boleh diandaikan kata nama حَبًّا. Manakala agen yang menasabkannya adalah kata kerja يَأْكُلُونَ. (Maf'ul bih ini dibuang bertujuan penyesuaian dari sudut makna telah dihuraikan dalam perkara 2.6.).

23. (وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ)<sup>1</sup>

(Dan Kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur, dan Kami pancarkan kepadanya beberapa mata air). Kata nama جَنَّاتٍ adalah maf'ul bih kepada kata kerja جَعَلَ. Kata nama جَنَّاتٍ ini adalah kata nama jama' mu'annath salim yang mana kata nama tunggalnya (مُفْرَدٌ) adalah جَنَّةٌ.

Seterusnya terdapat maf'ul bih kedua yang dibuang kepada kata kerja جَعَلَ iaitu rangkaian kata يَنْبِيعُ كَائِنَةٌ. Seterusnya rangkaian kata يَنْبِيعُ كَائِنَةٌ juga merupakan maf'ul bih yang dibuang kepada kata kerja فَجَّرَ.<sup>2</sup> Jika ditakwilkan ayat suci al-Qur'an al-Karim ini akan berbunyi

( وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ يَنْبِيعُ كَائِنَةٌ وَفَجَّرْنَا فِيهَا يَنْبِيعُ كَائِنَةٌ مِنَ الْعُيُونِ )

---

<sup>1</sup> Surah Yasin, ayat 34.

<sup>2</sup> al-Darwisy, Juz. 8, ms. 196.

Kata kerja *جَعَلَ* adalah tergolong dalam kata kerja transitif yang menasabkan dua maf'ul bih. Maf'ul bih ini dibuang bertujuan penyesuaian dari sudut makna (telah dihuraikan dalam perkara 2.6).

24. *(لِيَأْكُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ أَفَلَا يَشْكُرُونَ)*<sup>1</sup>

(Supaya mereka makan dari buah-buahannya dan dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka, maka patutkah mereka tidak bersyukur?). Dalam ayat di atas terdapat maf'ul bih yang dibuang iaitu kata nama *الْتَّعْمَةُ*. Manakala agen yang menasabkannya adalah kata kerja *يَشْكُرُونَ*.<sup>2</sup> Maf'ul bih ini dibuang bertujuan penyesuaian dari sudut makna (telah dihuraikan dalam perkara 2.6).

25. *(سُبْحَانَ الَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ وَمِنْ أَنْفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ)*<sup>3</sup>

(Maha Suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan, sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi atau dari diri mereka, ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya). Kata nama

---

<sup>1</sup> Surah Yasin, ayat 35.

<sup>2</sup> al-Darwisy, Juz. 8, ms. 197.

<sup>3</sup> Surah Yasin, ayat 36.

الأزواج<sup>1</sup> adalah maf'ul bih kepada kata kerja خَلَقَ<sup>1</sup>. Kata nama الأزواج adalah kata nama jama' taksir atas pola أَفْعَالٌ . Kata nama tunggalnya (مُفْرَدٌ) adalah فَعْلٌ atas pola فَعْلٌ .

26. (وَعَايَةٌ لَهُمُ اللَّيْلُ نَسَلَحُ مِنْهُ النَّهَارَ فَإِذَا هُمْ مُظْلِمُونَ)<sup>2</sup>

(Dan lagi dalil yang terang untuk mereka (berfikir) ialah malam, Kami hilangkan siang daripadanya, maka dengan serta merta mereka berada dalam gelap gelita). Kata nama النَّهَارَ adalah maf'ul bih kepada kata kerja نَسَلَحُ<sup>3</sup>.

27. (وَالْقَمَرَ قَدَرْنَا مِنْ مَنَازِلٍ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ)<sup>4</sup>

(Dan bulan pula kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga diakhir peredarannya kelihatan kembalinya pula keperingkat awalnya (berbentuk melekung) seperti tandan yang kering). Kata nama الْقَمَرَ adalah maf'ul bih kepada kata kerja yang dibuang iaitu sama ada kata

<sup>1</sup> al-Darwisy, Juz. 8, ms. 197.

<sup>2</sup> Surah Yasin, ayat 37.

<sup>3</sup> al-Darwisy, Jld. 8, ms. 199.

<sup>4</sup> Surah Yasin, ayat 39.

kerja أَنْزَلْنَا ataupun kata kerja خَلَقْنَا.<sup>1</sup> Manakala kata ganti nama berhubung yang ketiga هُ pada kata kerja قَدَرْنَا adalah maf'ul bih kepada kata kerja tersebut.<sup>2</sup> Ganti nama هُ dimaksudkan dengan kata nama الْقَمَرُ.<sup>3</sup> Seterusnya kata nama مَنَازِلٌ adalah maf'ul bih yang kedua kepada kata kerja قَدَرَ.<sup>4</sup> Kata nama مَنَازِلٌ adalah sighat muntaha al-jumū' (صِيغَةُ مُنْتَهَى الْجُمُوعِ) di atas pola مَفَاعِلٌ .

28. (لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ)<sup>5</sup>

((Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan dan malam pula tidak dapat mendahului siang, kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing).

Kata nama الْقَمَرُ adalah maf'ul bih kepada kata kerja تُدْرِكُ<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Mahmud Safiy, Jld. 12, ms. 11.

<sup>2</sup> al-Darwisy, Jld. 8, ms. 200.

<sup>3</sup> Ibn Kathir, Jld. 6, ms. 563.

<sup>4</sup> al-Darwisy, Jld. 8, ms. 200

<sup>5</sup> Surah Yasin, ayat 40.

<sup>6</sup> al-Darwisy, Jld. 8, ms. 200.

29. (وَأَيُّهُم أَنَا حَمَلْنَا ذُرِّيَّتَهُمْ فِي الْفُلِّ الْمَشْحُونِ) <sup>1</sup>

(Dan satu dalil lagi untuk mereka (insaf) ialah, Kami membawa belayar jenis keluarga mereka dalam bahtera yang penuh sarat). Kata nama ذُرِّيَّةٌ adalah maf'ul bih kepada kata kerja حَمَلٌ. <sup>2</sup> Yang dimaksudkan dengan ذُرِّيَّةٌ dalam ayat al-Qur'an al-Karim di atas adalah آبَاءُهُمْ (bapa-bapa mereka). <sup>3</sup>

30. (وَخَلَقْنَا لَهُمْ مِّن مِّثْلِهِ مَا يَرْكَبُونَ) <sup>4</sup>

(Dan Kami ciptakan untuk mereka, jenis-jenis kenderaan yang sama dengannya, yang mereka dapat mengenderainya). Kata nama mawsul مَا adalah maf'ul bih kepada kata kerja خَلَقْنَا. <sup>5</sup> Kata nama mawsul مَا adalah untuk yang tidak berakal. Tidak digunakan kata nama mawsul مِّن di sini

---

<sup>1</sup> Surah Yasin, ayat 41.

<sup>2</sup> al-Darwisy; Jld. 8, ms. 205.

<sup>3</sup> Ibn Kathir, Jld. 6, ms. 565.

<sup>4</sup> Surah Yasin, ayat 42.

<sup>5</sup> al-Darwisy, Jld. 8, ms. 205

kerana kata nama mawsul مَنْ adalah untuk yang berakal iaitu untuk manusia sahaja. Yang dimaksudkan dengan مَا يَرْكَبُونَ disini adalah unta.<sup>1</sup>

31.                   <sup>2</sup> (وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اتَّقُوا مَا بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَمَا خَلْفَكُمْ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ)

(Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Berjaga-jagalah kamu apa yang ada di hadapan kamu (dari urusan-urusan hidup di dunia ini), dan apa yang ada di belakang kamu (dari huru-hara dan balasan akhirat), supaya kamu beroleh rahmat”, (Mereka tidak mengindahkannya)). Kata nama mawsul مَا adalah maf‘ul bih kepada kata kerja اتَّقُوا.<sup>3</sup>

32.                   <sup>4</sup> (وَمَا تَأْتِيهِمْ مِنْ آيَةٍ مِنْ آيَاتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُوا عَنْهَا مُعْرِضِينَ)

(Dan (itulah tabiat mereka) tidak ada sesuatu keterangan yang sampai kepada mereka dari keterangan-keterangan Tuhan mereka, melainkan mereka selalu berpaling daripadanya (enggan menerimanya)). Kata ganti nama yang berhubung هُمْ adalah maf‘ul bih kepada kata kerja تَأْتِي.<sup>5</sup> Kata

---

<sup>1</sup> Abi Hayyan, Juz. 7, ms. 331; Ibn Kathir, Jld. 6, ms. 565; al-Alusiy, Juz. 23, ms. 27.

<sup>2</sup> Surah Yasin, ayat 45

<sup>3</sup> al-Darwisy, Jld. 8, ms. 206; Mahmud Safiy, Juz. 12, ms. 16.

<sup>4</sup> Surah Yasin, ayat 46

<sup>5</sup> al-Darwisy, Jld. 8, ms. 206

ganti nama yang berhubung هُمْ adalah kata ganti nama ketiga ramai untuk maskulin. Walau pun digunakan dengan kata ganti nama untuk maskulin tetapi ia juga merangkumi feminin.

33. (وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَنْفِقُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ قَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْطَعِمُ مَنْ لَوْ يَشَاءُ

اللَّهُ أَطَعَمَهُ إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ)<sup>1</sup>

(Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Dermakanlah sebahagian dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada kamu”, berkatalah orang-orang kafir itu kepada orang-orang beriman (secara mengejek-ngejek)”: “Patutkah kami memberi makan kepada orang yang jika Allah kehendaki tentulah ia akan memberinya makan?. Kamu ini hanyalah berada dalam kesesatan yang nyata)”. Kata ganti nama yang berhubung كُمْ adalah maf‘ul bih kepada kata kerja رَزَقَ . Kata ganti nama كُمْ adalah kata ganti nama kedua ramai untuk maskulin. Walaupun digunakan dengan kata ganti nama untuk maskulin tetapi ia juga merangkumi feminin. Pelaku kepada kata kerja رَزَقَ adalah lafaz yang mulia اللَّهُ . Didahulukan maf‘ul bih daripada pelaku adalah disebabkan ia merupakan kata ganti nama yang berhubung dan di

---

<sup>1</sup> Surah Yasin, ayat 47

samping itu pula, kata ganti nama tersebut berhubung terus dengan kata kerja tanpa ia dipisahkan oleh perkataan-perkataan lain di antara keduanya (perkara ini telah dihuraikan dalam perkara 2.10). Kata nama mawsul مَنْ adalah maf'ul bih kepada kata kerja نَطْعُمُ.<sup>1</sup> Kata nama mawsul مَنْ adalah untuk yang berakal iaitu dikhususkan kepada manusia.

34. (مَا يَنْظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ يَخِصِّمُونَ)<sup>2</sup>

(Mereka tidak menunggu melainkan satu pekikan yang (dengan secara mengejut) akan membinasakan mereka semasa mereka dalam keadaan leka bertengkar (merundingkan urusan dunia masing-masing)). Kata nama صَيْحَةً adalah maf'ul bih kepada kata kerja يَنْظُرُونَ.<sup>3</sup> Kata nama صَيْحَةً masdar atas pola فَعْلَةٌ . Kata kerja kala lalu صَاخَ atas pola فَعَلَ manakala kata kerja kala kini ialah يَصِيحُ atas pola يَفْعَلُ .

<sup>1</sup> al-Darwisy, Jld. 8, ms. 209; Mahmud Safiy, Juz. 12, ms. 17.

<sup>2</sup> Surah Yasin, ayat 49

<sup>3</sup> al-Darwisy, Jld. 8, ms. 210.

35. (فَلَا يَسْتُطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ يَرْجِعُونَ)<sup>1</sup>

(Maka dengan itu, mereka tidak berpeluang membuat sebarang pesanan (wasiat atau lainnya), dan (kalau mereka berada di luar) mereka tidak sempat kembali kepada keluarganya). Kata nama تَوْصِيَةً adalah maf'ul bih kepada kata kerja يَسْتُطِيعُونَ.<sup>2</sup> Kata nama تَوْصِيَةً adalah masdar atas pola فَعَّلَ. Kata kerja kala lalu وَصَّىٰ atas pola فَعَّلَ manakala kata kerja kala kini ialah يُوصِّيٰ atas pola يُفَعِّلُ. Ia adalah kata kerja tambah satu huruf (الْفِعْلُ (الثَّلَاثِي الْمَرْبُوعُ بِحَرْفٍ وَاحِدٍ)). Yang dimaksudkan dengan تَوْصِيَةً di sini ialah mewasiatkan apa-apa yang mereka miliki.<sup>3</sup>

36. (قَالُوا يَا وَيْلَنَا مَنْ بَعَثَنَا مِنْ مَرْقَدِنَا هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَانُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ)<sup>4</sup>

